

## Skuad ragbi UPM tiada tandingan

Oleh Izzali Ismail - September 9, 2024 @ 12:26pm  
bhsukan@bh.com.my



Skuad ragbi Universiti Putra Malaysia (UPM) menggondol pingat emas pada aksi Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT 2024) di Universiti Utara Malaysia (UUM) semalam. - NSTP/ IZZALI ISMAIL

SINTOK: Skuad ragbi 7 sebelah (7s) Universiti Putra Malaysia (UPM) menepati ramalan apabila membawa pulang pingat emas Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT 2024) yang berlangsung di padang ragbi Universiti Utara Malaysia (UUM) semalam.

UPM yang tampil selaku juara bertahan mudah membenam Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan keputusan 21-0 sekali gus mengekalkan kejuaraan buat kali kelima berturut-turut.

Lebih manis kejayaan merangkul emas ini dicapai tanpa bolos sejak acara itu berlangsung Jumaat lalu dengan menewaskan UniKL (32-0), IPG KL (29-0), UTEM (34-0) dan Politeknik (24-0) dalam saingan Kumpulan F.

Aksi di separuh akhir pula menyaksikan UPM menewaskan Universiti Teknologi Petronas (UTP) 34-0, sebelum memuktamadkan kejuaraan 21-0 dengan menewaskan UiTM.

Pengurus pasukan UPM Muhammad Zyuraidi Abdul Majid berkata, dia bersyukur kerana skuadnya yang dibarisi pemain baharu tahun pertama dan kedua menunjukkan komitmen tinggi untuk mempertahankan kejuaraan sejak memulakan aksi dalam kumpulan F.

"Kejayaan ini adalah hasil daripada persiapan rapi sejak di Serdang lagi selain disiplin dan komitmen tinggi setiap pemain.

"Walaupun kami berjaya mengekalkan rekod tanpa bolos, namun cabaran yang kami hadapi tidak mudah kerana lawan sentiasa memberi cabaran hebat," katanya.

Antara pemain UPM yang menyerlah pada aksi di SUKIPT 2024 ini ialah A'mmaar Mohd Zamri.

Sementara itu, pasukan ragbi 7s wanita Universiti Teknologi Mara (UiTM) muncul juara selepas menewaskan Politeknik Malaysia 19-5.